

NAMA: ..... TINGKATAN: .....

## MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5

### TAHUN 2026

---

### PRINSIP PERAKAUNAN

**KERTAS 1****1 JAM 15 MINIT**

---

**JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU**

### ARAHAN

1. Modul ini mengandungi **40 soalan**.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.
4. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

---

Modul ini mengandungi **19** halaman bercetak termasuk muka hadapan

1 Siapakah pengguna dalaman penyata kewangan?

- A Bank Negara
- B Firma pengauditan
- C Ahli lembaga pengarah
- D Lembaga Hasil Dalam Negeri

2 Pernyataan berikut berkaitan subbidang perakaunan.

Kerja-kerja pemeriksaan dokumen perniagaan dan rekod kewangan dilakukan untuk mengesahkan rekod perakaunan adalah betul dan tepat.

Apakah subbidang tersebut?

- A Percukaian
- B Pengauditan
- C Perakaunan Kewangan
- D Perakaunan Pengurusan

3 Butiran yang manakah merupakan belanja operasi perniagaan?

- A Angkutan masuk
- B Insurans kediaman
- C Faedah pinjaman bank
- D Rugi atas jualan perabot



- 4 Maklumat berikut menunjukkan kesan terhadap persamaan perakaunan.

| Aset      | Liabiliti | Ekuiti Pemilik |
|-----------|-----------|----------------|
| Berkurang | Berkurang | Bertambah      |

Urus niaga yang manakah menepati kesan tersebut?

- A Membuat bayaran kepada Akaun Belum Bayar RM1 200 secara tunai
  - B Membayar ansuran pinjaman RM1 800 dan faedah pinjaman RM250 dengan cek
  - C Jualan tunai RM3 900 bagi inventori berkos RM3 600 telah digunakan untuk menjelaskan Akaun Belum Bayar
  - D Menerima bayaran daripada Akaun Belum Terima RM7 200 dengan cek untuk menyelesaikan hutangnya sebanyak RM7 500
- 5 Berikut adalah baki akhir yang diperolehi daripada Tuah Mini Market.

|           | RM     |
|-----------|--------|
| Aset      | 48 000 |
| Liabiliti | 17 500 |

Berapakah modal awal jika perniagaan Tuah Mini Market mengalami kerugian RM4 600?

- A RM22 100
  - B RM25 900
  - C RM30 500
  - D RM35 100
- 6 Apakah tujuan diskaun niaga?
- A Mendorong pelanggan membeli barang secara pukal
  - B Mengelakkan berlaku hutang lapuk dalam perniagaan
  - C Menggalakkan pelanggan membeli barang secara tunai
  - D Meningkatkan jualan kerana diberikan kepada semua pelanggan

- 7 Jurnal khas berikut diambil daripada Leon Sdn. Bhd.

**Jurnal Jualan**

| Tarikh  | Butiran           | Jumlah |
|---------|-------------------|--------|
| 2026    |                   | RM     |
| April 8 | Dasima Enterprise | 9 300  |
| 16      | Dasima Enterprise | 450    |
| 30      | Akaun Jualan      | 9 750  |

Apakah dokumen sumber untuk catatan tersebut?

- I Invois (Salinan)
  - II Nota kredit
  - III Invois (Asal)
  - IV Nota debit
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 8 Buku Catatan Pertama yang manakah mengamalkan Sistem Panjar?
- A Jurnal Am
  - B Buku Tunai
  - C Jurnal Khas
  - D Buku Tunai Runcit





- 9 Maklumat berikut berkaitan Kedai Cermin Weh.

Pada 1 Disember 2025, menerima cek RM3 600 daripada Encik Abdullah yang menjelaskan hutangnya sebanyak RM4 000.

Apakah catatan yang **betul** dalam Buku Tunai?

- A **Dt** **Buku Tunai (petikan)**

| Tarikh | Butiran  | Diskaun | Tunai | Bank  |
|--------|----------|---------|-------|-------|
| 2025   |          | RM      | RM    | RM    |
| Dis. 1 | Abdullah | 400     |       | 3 600 |

- B **Dt** **Buku Tunai (petikan)**

| Tarikh | Butiran  | Diskaun | Tunai | Bank  |
|--------|----------|---------|-------|-------|
| 2025   |          | RM      | RM    | RM    |
| Dis. 1 | Abdullah |         |       | 4 000 |

- C **Buku Tunai (petikan)** **Kt**

| Tarikh | Butiran  | Diskaun | Tunai | Bank  |
|--------|----------|---------|-------|-------|
| 2025   |          | RM      | RM    | RM    |
| Dis. 1 | Abdullah | 400     |       | 3 600 |

- D **Buku Tunai (petikan)** **Kt**

| Tarikh | Butiran  | Diskaun | Tunai | Bank  |
|--------|----------|---------|-------|-------|
| 2025   |          | RM      | RM    | RM    |
| Dis. 1 | Abdullah |         |       | 4 000 |

- 10 Akaun berikut diperolehi daripada rekod perakaunan Perniagaan Cheah.

| Akaun Belian |                   |        |        |         |     |
|--------------|-------------------|--------|--------|---------|-----|
| 2026         |                   | RM     | 2026   |         | RM  |
| Jan 1        | Baki b/b          | 6 600  | Jan 15 | Ambilan | 200 |
| 31           | Akaun Belum Bayar | 12 564 |        |         |     |

Apakah Buku Catatan Pertama yang terlibat bagi urus niaga 15 Januari 2026?

- A Jurnal Am  
 B Jurnal Belian  
 C Jurnal Jualan  
 D Jurnal Pulangan Belian

11 Butiran yang manakah akan mengurangkan baki dalam Lejar Jualan?

- A Pulangan masuk
- B Diskaun diterima
- C Hutang lapuk terpulih
- D Peruntukan hutang ragu

12 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Azif.

Membayar sewa kediaman RM1 500 menggunakan cek perniagaan.

Catatan lejar yang manakah menerangkan urus niaga tersebut?

|   |           |                   |  |  |                   |           |
|---|-----------|-------------------|--|--|-------------------|-----------|
| A | <b>Dt</b> | <b>Akaun Sewa</b> |  |  | <b>Akaun Bank</b> | <b>Kt</b> |
|   |           | RM                |  |  |                   | RM        |
|   | Bank      | 1 500             |  |  | Sewa              | 1 500     |

|   |  |                   |           |           |                   |  |
|---|--|-------------------|-----------|-----------|-------------------|--|
| B |  | <b>Akaun Sewa</b> | <b>Kt</b> | <b>Dt</b> | <b>Akaun Bank</b> |  |
|   |  |                   | RM        |           | RM                |  |
|   |  | Bank              | 1 500     | Sewa      | 1 500             |  |

|   |           |                      |  |  |                   |           |
|---|-----------|----------------------|--|--|-------------------|-----------|
| C | <b>Dt</b> | <b>Akaun Ambilan</b> |  |  | <b>Akaun Bank</b> | <b>Kt</b> |
|   |           | RM                   |  |  |                   | RM        |
|   | Bank      | 1 500                |  |  | Ambilan           | 1 500     |

|   |           |                      |       |         |                   |           |
|---|-----------|----------------------|-------|---------|-------------------|-----------|
| D | <b>Dt</b> | <b>Akaun Ambilan</b> |       |         | <b>Akaun Bank</b> | <b>Kt</b> |
|   |           |                      | RM    |         | RM                |           |
|   |           | Bank                 | 1 500 | Ambilan | 1 500             |           |

13 Akaun yang manakah dicatat di sebelah kredit Imbangan Duga?

- A Faedah pinjaman
- B Angkutan keluar
- C Ambilan
- D Dividen

- 14 Berikut adalah petikan akaun yang diperolehi daripada perniagaan Adam Mart.

| Dt              | Akaun Kawalan Belum Terima |                          | Kt  |
|-----------------|----------------------------|--------------------------|-----|
| 2026            | RM                         | 2026                     | RM  |
| Mac 20   Jualan | 36 000                     | Mac 25   Pulangan jualan | 380 |

**Maklumat tambahan:**

- Hutang lapuk dihapus kira RM200.
- Diskaun diterima RM180.

Berapakah baki akhir?

- RM35 820
  - RM35 640
  - RM35 420
  - RM35 240
- 15 Butiran yang manakah menambahkan kos belian?
- Angkutan keluar
  - Pulangan belian
  - Inventori awal
  - Duti import
- 16 Maklumat berikut diperolehi daripada sebuah perniagaan.

|                | RM     |
|----------------|--------|
| Untung kasar   | 14 500 |
| Kadar bayaran  | 1 200  |
| Angkutan masuk | 3 500  |
| Sewa diterima  | 1 700  |
| Insurans       | 800    |

Berapakah untung bersih?

- RM12 500
- RM14 200
- RM14 800
- RM15 300

- 17 Akaun yang manakah ditutup dan dipindahkan ke dalam Akaun Untung Rugi?
- A Akaun Modal
  - B Akaun Diskaun diterima
  - C Akaun Insurans prabayar
  - D Akaun Sewa belum terperoleh
- 18 Bengkel Kereta Peter telah membayar premium insurans berjumlah RM3 600 pada 1 Mei 2025 untuk tempoh setahun. Tahun kewangan perniagaan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Berapakah insurans prabayar pada 31 Disember 2025?

- A RM2 400
  - B RM1 200
  - C RM900
  - D RM300
- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan kesilapan tidak ketara.

|          |                                                                                                  |
|----------|--------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>M</b> | Kesilapan merekodkan amaun yang betul dalam akaun yang salah dibawah pengelasan akaun yang sama. |
|----------|--------------------------------------------------------------------------------------------------|

Apakah **M** ?

- A Kesilapan prinsip
- B Kesilapan amaun
- C Kesilapan komisen
- D Kesilapan songsang



- 20 Imbangan Duga yang disediakan oleh Manjeed Enterprise menunjukkan jumlah debit dan kredit seimbang, namun kerani akaun telah menemui satu kesilapan.

Apakah kesilapan tersebut?

- A Angkutan keluar telah dicatat dalam Akaun Angkutan Masuk
- B Belian tunai telah dikreditkan ke dalam Akaun Belian dan Akaun Tunai
- C Jualan barang niaga secara tunai telah tertinggal rekod dalam Akaun Jualan
- D Bayaran sewa kedai RM500 dengan cek telah direkodkan dengan betul dalam Akaun Bank tetapi dicatatkan RM5 000 dalam Akaun Sewa

- 21 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Komputer Sinar.

Pada 13 April 2026 pemilik mengambil satu unit komputer RM1 000 untuk kegunaan anaknya. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.

Bagaimanakah kesilapan tersebut dibetulkan dalam Jurnal Am?

A

| Jurnal Am      |         |             |              |
|----------------|---------|-------------|--------------|
| Tarikh<br>2026 | Butiran | Debit<br>RM | Kredit<br>RM |
| Apr 13         | Ambilan | 1 000       |              |
|                | Belian  |             | 1 000        |

B

| Jurnal Am      |         |             |              |
|----------------|---------|-------------|--------------|
| Tarikh<br>2026 | Butiran | Debit<br>RM | Kredit<br>RM |
| Apr 13         | Ambilan | 1 000       |              |
|                | Bank    |             | 1 000        |

C

| Jurnal Am      |                |             |              |
|----------------|----------------|-------------|--------------|
| Tarikh<br>2026 | Butiran        | Debit<br>RM | Kredit<br>RM |
| Apr 13         | Alatan Pejabat | 1 000       |              |
|                | Belian         |             | 1 000        |

D

| Jurnal Am      |                |             |              |
|----------------|----------------|-------------|--------------|
| Tarikh<br>2026 | Butiran        | Debit<br>RM | Kredit<br>RM |
| Apr 13         | Alatan Pejabat | 1 000       |              |
|                | Bank           |             | 1 000        |


- 22 Berikut ialah maklumat yang dipetik daripada Kedai Anggun Jelita pada 31 Ogos 2025.

|                 | RM     |
|-----------------|--------|
| Kos jualan      | 72 000 |
| Inventori awal  | 12 000 |
| Inventori akhir | 24 000 |

Berapakah kadar pusing ganti inventori?

- A 6 kali
  - B 4 kali
  - C 3 kali
  - D 2 kali
- 23 Apakah tafsiran yang dapat diberikan sekiranya perniagaan memperoleh tokokan sebanyak 30%?
- A Perniagaan memperoleh untung bersih sebanyak RM0.30 bagi setiap RM1 jualan bersih
  - B Perniagaan memperoleh untung kasar sebanyak RM0.30 bagi setiap RM1 jualan bersih
  - C Perniagaan memperoleh untung bersih sebanyak RM0.30 bagi setiap RM1 kos jualan
  - D Perniagaan memperoleh untung kasar sebanyak RM0.30 bagi setiap RM1 kos jualan

- 24 Graf menunjukkan perbandingan prestasi tempoh kutipan hutang bagi dua buah perniagaan.



Pilih pernyataan yang **benar** tentang pengurusan kutipan hutang bagi kedua-dua perniagaan.

- I Zamlany Sdn. Bhd. menjelaskan hutang dalam tempoh 40 hari berbanding Pasolary Sdn. Bhd.
- II Zamlany Sdn. Bhd. sangat efisien dalam pengurusan kutipan hutang berbanding Pasolary Sdn. Bhd.
- III Zamlany Sdn. Bhd. lebih cepat menerima bayaran hutang berbanding Pasolary Sdn. Bhd.
- IV Zamlany Sdn. Bhd. sukar mengutip hutang kerana tempoh lebih singkat berbanding Pasolary Sdn. Bhd.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV




- 25 Apakah kaedah yang digunakan untuk menentukan pendapatan bagi perniagaan yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu?

- I Analisis
- II Berkala
- III Berterusan
- IV Perbandingan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 26 Berikut merupakan amalan perekodan maklumat perakaunan bagi dua buah perniagaan.



Apakah kesan penggunaan sistem catatan berkenaan terhadap rekod perniagaan mereka?

|   | Malik Enterprise                            | Gerai Burger Wafiy                                |
|---|---------------------------------------------|---------------------------------------------------|
| A | Modal akhir boleh dikira                    | Modal akhir tidak boleh dikira                    |
| B | Nilai untung atau rugi tepat                | Nilai untung atau rugi tidak tepat                |
| C | Imbangan Duga disediakan                    | Imbangan Duga tidak dapat disediakan              |
| D | Penyata Kedudukan Kewangan dapat disediakan | Penyata Kedudukan Kewangan tidak dapat disediakan |



- 27 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Rasydan Enterprise yang menyimpan rekod tidak lengkap.

|                | RM     |
|----------------|--------|
| Modal akhir    | 8 000  |
| Modal tambahan | 600    |
| Modal awal     | 10 000 |
| Ambilan        | 7 800  |

Berapakah untung atau rugi bersih perniagaan tersebut?

- A Untung bersih RM5 200
  - B Untung bersih RM9 200
  - C Rugi bersih RM5 200
  - D Rugi bersih RM9 200
- 28 Pernyataan yang manakah **benar** berkenaan dengan Belanjawan Tunai?
- I Kurangan yang berlaku menunjukkan perniagaan mengalami kerugian
  - II Lebihan yang diperoleh menunjukkan perniagaan mempunyai kawalan tunai yang baik
  - III Penerimaan sebenar yang melebihi jangkaan penerimaan menunjukkan prestasi yang memuaskan
  - IV Pembayaran sebenar yang melebihi jangkaan pembayaran menunjukkan prestasi yang memuaskan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 29 Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Perniagaan Cahaya.

**Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Disember 2025**

|                                   | RM      |
|-----------------------------------|---------|
| <b>P</b>                          | (4 000) |
| Tambah: Deposit belum dikreditkan |         |
| Sarah                             | 5 000   |
|                                   | 1 000   |
| Tolak : Cek belum dikemukakan     |         |
| Mira                              | 600     |
| <b>Q</b>                          | 400     |

Apakah **P** dan **Q**?

|   | <b>P</b>                    | <b>Q</b>                    |
|---|-----------------------------|-----------------------------|
| A | Baki debit di Buku Tunai    | Baki kredit di Penyata Bank |
| B | Baki kredit di Buku Tunai   | Baki kredit di Penyata Bank |
| C | Baki kredit di Penyata Bank | Baki debit di Buku Tunai    |
| D | Baki debit di Penyata Bank  | Baki debit di Buku Tunai    |

- 30 Maklumat berikut diperoleh daripada Belanjawan Tunai Nur Trading.

Pada bulan April, Nur Trading membeli mesin RM20 000 dan membayar 40% pendahuluan. Separuh daripada pendahuluan dibayar menggunakan wang simpanan pemilik. Baki 60% dibayar secara ansuran sebanyak lima kali bermula bulan berikutnya.

Catatan yang manakah betul bagi bulan April dan Mei?

|   | <b>Pembayaran</b> | <b>April<br/>RM</b> | <b>Mei<br/>RM</b> |
|---|-------------------|---------------------|-------------------|
| A | Mesin             | 4 000               | 1 920             |
| B | Mesin             | 4 000               | 3 200             |
| C | Mesin             | 8 000               | 1 440             |
| D | Mesin             | 8 000               | 2 400             |



31 Apakah yang menyebabkan Akaun Modal pekongsi berbaki debit semasa pembubaran?

- A Rugi realisasi terlalu tinggi
- B Sumbangan modal pekongsi yang tinggi
- C Pekongsi membuat ambilan yang rendah
- D Nilai aset yang diambil alih oleh pekongsi adalah rendah

32 Berikut adalah baki Akaun Modal dan Akaun Semasa bagi pekongsi Perniagaan DoNa pada 30 April 2026.

|        | Akaun Modal | Akaun Semasa |
|--------|-------------|--------------|
|        | RM          | RM           |
| Dollah | 40 000      | 15 500       |
| Nasir  | 30 000      | (6 420)      |

Berapakah jumlah ekuiti pemilik?

- A RM60 920
- B RM70 000
- C RM79 080
- D RM91 920

33 Ciri yang manakah **betul** bagi syer biasa?

- A Kadar dividen tetap
- B Dividen dibayar terlebih dahulu
- C Berhak menerima tunggakan dividen
- D Berhak mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan

- 34 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Lunas Berhad pada 31 Disember 2025.

| Jenis syer        | Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh<br>RM |
|-------------------|--------------------------------------------|
| 6% syer keutamaan | 300 000                                    |
| Syer biasa        | 90 000                                     |

Syarikat bercadang untuk mengagihkan keuntungan kepada pemegang syernya. Keuntungan yang diperoleh pada akhir tempoh kewangan ialah RM46 800.

Berapakah peratus dividen yang diberi kepada pemegang syer biasa?

- A 16%
  - B 26%
  - C 32%
  - D 52%
- 35 Urus niaga yang manakah merupakan pendapatan modal bagi kelab dan persatuan?
- A Menerima yuran pertandingan
  - B Menerima faedah simpanan tetap
  - C Menerima komputer riba sebagai derma
  - D Menerima hasil jualan daripada aktiviti perniagaan



- 36 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Pickleball Rambai.

|                        | 1 Januari 2025 | 31 Disember 2025 |
|------------------------|----------------|------------------|
|                        | RM             | RM               |
| Yuran belum terima     | 200            | 120              |
| Yuran belum terperoleh | 60             | -                |

**Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2025**

|            | RM    |
|------------|-------|
| Yuran ahli | 4 500 |

Berapakah jumlah yuran yang dipindahkan ke Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan?

- A RM4 360
- B RM4 480
- C RM4 520
- D RM4 640

- 37 Berikut adalah maklumat yang diperoleh daripada Kelab Penduduk Taman Helang pada 1 April 2026.

|                               | RM    |
|-------------------------------|-------|
| Bank                          | 5 300 |
| Lengkapan                     | 4 700 |
| Inventori cenderamata         | 2 100 |
| Yuran belum terima            | 150   |
| Akaun Belum Bayar cenderamata | 900   |


Berapakah Dana Terkumpul?

- A RM11 050
- B RM11 350
- C RM12 100
- D RM13 150

38 Kilang Batik Korporat membayar gaji pengurus kilang sebanyak RM5 000 sebulan. Apakah komponen kos pengeluaran tersebut?

- A Kos prima
- B Kos overhed
- C Belanja langsung
- D Kos buruh langsung

39 Berikut adalah graf Titik Pulang Modal bagi Kilang Sabun Terlajak Harum.



Apakah K?

- A Kos tetap
- B Jumlah kos
- C Kos berubah
- D Jumlah hasil

- 40 Maklumat berikut diperoleh daripada Perusahaan Bestari, pengeluar barangan permainan kanak-kanak.

|                                      | RM          |
|--------------------------------------|-------------|
| Harga jualan                         | 8.00 seunit |
| Bahan langsung                       | 3.50 seunit |
| Buruh langsung                       | 4.00 seunit |
| Belanja am kilang                    | 10 890      |
| Kadar bayaran kilang                 | 35 100      |
| Gaji pengurus pemasaran              | 12 000      |
| Jumlah keluaran sebanyak 30 000 unit |             |

Berapakah jumlah kos?

- A RM237 000
- B RM258 990
- C RM270 990
- D RM282 990

### MODUL TAMAT

